

UMS rancang bina stesen penyelidikan marin di Pulau Sebatik

TAWAU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam perancangan untuk membina Stesen Penyelidikan Marin di bawah Institut Penyelidikan Marin Borneo di Pulau Sebatik, kata Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Harun Abdullah.

Beliau berkata stesen penyelidikan marin itu akan dibina sebaik sahaja mendapat kelulusan tapak dan peruntukan daripada kerajaan negeri.

Katanya tapak pembinaan projek itu telah dikenal pasti dan pihaknya hari ini meninjau tapak berkenaan bersama-sama Setiausaha Hasil Bumi Sabah Amat Mohd Yusuf serta pegawai-pegawai yang berkaitan.

"Diharapkan agar kelulusan untuk memperoleh tanah itu dipercepatkan supaya aktiviti penyelidikan dapat dijalankan dengan lebih berkesan," katanya kepada Bernama selepas menghadiri program jaringan masyarakat UMS dan penduduk Pulau Sebatik, dekat sini kel-

marin.

Beliau berkata apabila stesen penyelidikan itu diwujudkan, pelbagai penyelidikan dapat dijalankan di situ merangkumi aspek biologi, ekologi dan kepentingan ekonomi marin di Malaysia.

Harun berkata stesen penyelidikan itu juga memberi latihan dan khidmat profesional dalam penyelidikan dan pemuliharaan marin di samping menyediakan kemudahan prasarana untuk menjalankan penyelidikan serta pengumpulan spesimen marin.

"Selain itu dengan wujudnya stesen penyelidikan itu, kita dapat menjalin kerjasama penyelidikan marin antara agensi dari dalam dan luar negara," katanya.

Harun berkata stesen penyelidikan itu akan memudahkan pensyarah dan penyelidik menjalankan penyelidikan dalam bidang mamalia marin, kawalan pencemaran serta kajian osseanografi. - Bernama